

## KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DAN KETERLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM 2022

Kajian Indeks Keterlibatan Pegawai Awam (IKPA) Perkhidmatan Awam bertujuan untuk mengukur tahap keterlibatan pegawai awam sebagai satu indikator pengukuran amalan terbaik sumber manusia.

Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) Perkhidmatan Awam bertujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam (subjective wellbeing).

Tarikh Pelaksanaan kajian  
01 - 15 September 2022

Dilanjutkan Sehingga  
30 September 2022



Pautan Kajian  
<https://ikpm.jpa.gov.my>

Melibatkan penjawat awam peringkat Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

Urus setia Indeks Keterlibatan Pegawai Awam (IKPA) Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar	03-8885 3083 <a href="mailto:shafinas.shafie@jpa.gov.my">shafinas.shafie@jpa.gov.my</a>	03-8885 5235 <a href="mailto:mila.hisamuddin@jpa.gov.my">mila.hisamuddin@jpa.gov.my</a>	Urus setia Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) Bahagian Pengurusan Psikologi
---	--	--	---

### PELANJUTAN TEMPOH TARIKH MELENGKAPKAN SOAL SELIDIK - "KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DAN KETERLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM 2022" SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2022

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menjalankan **Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi dan Keterlibatan Pegawai Perkhidmatan Awam 2022**. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi dan keterlibatan pegawai awam. Dapatan indeks ini akan dijadikan indikator bagi merangka dasar, merancang dan melaksanakan program pembangunan, pencegahan dan intervensi dalam membantu mengenal pasti aspek yang perlu diberi penekanan bagi meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi dan keterlibatan pegawai awam dalam memperkasakan perkhidmatan awam pada tahap yang terbaik.

3. Segala maklumat yang diberikan oleh YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah **dirahsiakan dan digunakan hanya untuk tujuan penyelidikan sahaja. Tiada maklumat peribadi yang akan diminta dalam kajian ini.**

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama dari YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk melengkapi maklumat dalam soal selidik ini dan seterusnya memanjangkan perkara ini kepada staf di bawah Pusat Tanggungjawab masing-masing melalui capaian <https://ikpm.jpa.gov.my>. Kaji selidik ini hendaklah dilengkapi **selewat-lewatnya pada 30 September 2022**. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan boleh hubungi **Puan Norazlinda Binti Muda, Pegawai Psikologi, Bahagian Sumber Manusia di sambungan 6096** atau e-mel [m.azlinda@usm.my](mailto:m.azlinda@usm.my).

5. Perhatian dan kerjasama dari YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dalam menjayakan kajian ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Jabatan Pendaftar